

www.korbanaqiqah.com.my

# LAPORAN AWAL PROGRAM KORBAN EIDUL ADHA & AQIQAH DI KEMBOJA 1434H

**MUDAH • MURAH • DIYAKINI**

Tahun ke-20

**20 Tahun!** Pelaksanaan Korban Eidul Adha & Aqiqah
Hampir **60,000 peserta** sejak tahun 1415H/1995 Masihi.
Sebanyak **29,944 ekor ternakan** selamat disempurnakan.
Sebanyak **3025 buah perigi wakaf** selamat dibina.

**"Maka solatlah kamu untuk Tuhanmu dan menyembelihlah."**
*al-Kautsar : 2*

**"Tiap-tiap anak itu tertebus (terpelihara daripada kemudaratan dan kemungkaran) dengan aqiqahnya…"** *Maksud hadis*



*Okhna Haji Kamaruddin Yusof*
*Mufti Kerajaan Kemboja*

"Dengan ini saya mengesahkan bahawasanya ibadah korban dan aqiqah yang diuruskan oleh syarikat Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. dengan kerjasama Majlis Tertinggi Pimpinan Agama Islam Kemboja dan Yayasan Pembangunan Umat Islam Kemboja tahun 1434H telah disempurnakan mengikut ketentuan hukum-hukum syarak."



Assalamualaikum wbt.

## Laporan Program Korban & Aqiqah 1434H

Tuan / Puan yang budiman,

Alhamdulillah, Program Korban Eidul Adha & Aqiqah bagi tahun ke-20 telah selamat disempurnakan di seluruh Kemboja. Semoga ibadah Korban dan Aqiqah serta wakaf perigi yang kita laksanakan diberkati Allah SWT. Berikut adalah perangkaan yang berkenaan:

| **1433H** | |
|---|---|
| **KORBAN** | **Jumlah** |
| Lembu | 1605 |
| Kambing | 346 |
| **AQIQAH** | **Jumlah** |
| Lembu | 361 |
| Kambing | 925 |
| **NAZAR** | **Jumlah** |
| Lembu | 1 |
| Kambing | 8 |
| **SUMBANGAN** | **Jumlah** |
| Lembu | 1 |
| Kambing | 0 |
| **JUMLAH BESAR** | **3247** |
| **Wakaf Perigi** | **524** |

| **1434H** | |
|---|---|
| **KORBAN** | **Jumlah** |
| Lembu | 1878 |
| Kambing | 421 |
| **AQIQAH** | **Jumlah** |
| Lembu | 355 |
| Kambing | 1036 |
| **NAZAR** | **Jumlah** |
| Lembu | 3 |
| Kambing | 3 |
| **SUMBANGAN** | **Jumlah** |
| Lembu | 0 |
| Kambing | 0 |
| **JUMLAH BESAR** | **3696** |
| **Wakaf Perigi** | **1506** |

**IBADAH KORBAN DAN AQIQAH DI KEMBOJA**

| Tahun | Bil. Ternakan |
|---|---|
| 1415H | 17 |
| 1416H | 150 |
| 1417H | 288 |
| 1418H | 263 |
| 1419H | 451 |
| 1420H | 561 |
| 1421H | 736 |
| 1422H | 685 |
| 1423H | 886 |
| 1424H | 1178 |
| 1425H | 1177 |
| 1426H | 1381 |
| 1427H | 1443 |
| 1428H | 2102 |
| 1429H | 2523 |
| 1430H | 2567 |
| 1431H | 3256 |
| 1432H | 3337 |
| 1433H | 3247 |
| 1434H | 3696 |

**WAKAF PERIGI DI KEMBOJA**

| Tahun | Bil. Perigi |
|---|---|
| 1430H | 301 |
| 1431H | 314 |
| 1432H | 380 |
| 1433H | 524 |
| 1434H | 1506 |

Pada Hari Raya Korban (15 Oktober 2013 bersamaan dengan 10 Zulhijjah 1434H), ternakan korban mula disembelih di setiap kampung Islam di seluruh Kemboja. Pengurusan agihan ternakan korban dan juga aqiqah dipimpin sendiri oleh Mufti Kerajaan Kemboja, Okhna Haji Kamarudin Yusuf.

Berdasarkan sunnah Rasulullah SAW daging korban diagihkan dalam keadaan mentah kepada penduduk kampung manakala jamuan aqiqah telah disempurnakan untuk pelajar madrasah, kenduri perkahwinan serta jamuan di masjid dan surau di seluruh Kemboja.












## Laporan Program Ramadan 1434H:

Bagi penyertaan awal ibadah Korban & Aqiqah yang diterima sebelum 20 Ramadan 1434H bersamaan 29 Julai 2013, sebahagian daripada yuran penyertaan telah diperuntukkan untuk Program Berbuka Puasa.

Jumlah wang untuk berbuka puasa: **RM92,413.10** (termasuk sumbangan tambahan oleh peserta Korban & Aqiqah). Bilangan ternakan aqiqah yang disempurnakan untuk jamuan berbuka puasa dan sahur ialah: **Kambing 282 ekor, lembu 76 ekor** dan **nazar kambing 2 ekor**.



*Roti Perancis dan kari daging untuk berbuka*



## Laporan Program Wakaf Perigi 1434H:

Biasanya mulai bulan Disember sehingga Mei setiap tahun, Kemboja mengalami musim kering. Bekalan air menjadi masalah utama di luar bandar pada musim ini. Pada tahun 1434H sebanyak **1506 sumbangan perigi wakaf** telah diterima untuk dibina bagi kegunaan keluarga yang miskin dan juga penduduk kampung.

*Perasmian Program Wakaf Perigi pada 11 Zulhijjah 1434H/16 Okt 2013 di Kg. Srah, Daerah Kampung Ponhea Krek, Wilayah Kampung Cham.*

## Laporan Program Ziarah Kemboja 1434H:



*Peserta bersama pelajar dan penduduk di hadapan sekolah Kampung Srah.*

Setiap tahun ramai peserta korban dan aqiqah akan ke Kemboja selama 5 hari 4 malam untuk menghayati suasana ibadah korban dan aqiqah di samping mengeratkan lagi silaturahim antara umat Islam Malaysia dan Kemboja. Pada tahun 1434H, seramai 54 orang telah menyertai Program Ziarah Kemboja. Majlis perasmian Program Korban & Aqiqah di Kemboja yang dihadiri bersama oleh peserta ziarah telah dilaksanakan di Kampung Kien Rameit, Daerah Kg. Tbong Khmom, Wilayah Kampung Cham.



*Che Yah Bte Bulat dan Suraya Hani Bte Hashim peserta Program Ziarah Kemboja 1434H*

*"Pengalaman yang amat menarik dan sambutan yang sungguh mengharukan. Cadangan saya supaya peserta yang datang mengumpul duit sumbangan untuk diagihkan kepada ketua kampung untuk projek sekolah dan masjid."* - Fauziah Bt Ibrahim, peserta ziarah Kemboja 1434H.

Sijil pengesahan perlaksanaan Ibadah Korban, Aqiqah dan juga Wakaf Perigi akan dihantar secara individu melalui pos dalam tempoh 30 hari selepas Hari Raya Eidul Adha. Laporan lengkap Program Korban & Aqiqah di Kemboja dengan senarai tempat-tempat perlaksanaan dan juga surat pengesahan perlaksanaan daripada Mufti Kerajaan Kemboja boleh didapati di www.korbanaqiqah.com.my pada tarikh berkenaan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Haji Che Mazlan Saad
Pengerusi
Program Korban Eidhul Adha & Aqiqah di Kemboja

**www.korbanaqiqah.com.my**
**facebook.com/korbanaqiqah.cambodia**
**youtube.com/korbanaqiqah**

AMEEN
**AL-AMEEN SERVE HOLDINGS SDN. BHD.** (378533T)
2 - 1, Tingkat 1, Jalan 9 / 23A, Medan Makmur Off Jalan Usahawan, 53200 Setapak Kuala Lumpur.
Tel: 603 - 4143 4343 Faks: 603 - 4149 1414 No. Lesen: AJL 931362
E-mel: korbanaqiqah@alameenserve.com Laman web: www.korbanaqiqah.com.my

Surat Pengesahan Perlaksaaan Ibadah Korban dan Aqiqah 1434H

ព្រះរាជាណាចក្រកម្ពុជា
KINGDOM OF CAMBODIA
ជាតិ សាសនា ព្រះមហាក្សត្រ
NATION RELIGION KING

គណៈដឹកនាំជាន់ខ្ពស់ នៃសាសនាឥស្លាមកម្ពុជា
المجلس الأعلى لشؤون الإسلام في كمبوديا
HIGHEST COUNCIL FOR ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS CAMBODIA

លេខ:........................ចគជឥក

16 ذى الحجة 1434 هـ

كڤدا:
فارا فسرتا
عبادة قربان، عقيقة دان واقف فريكي 1434هـ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**فڠاصحن فلقسنائن عبادة قربان دان عقيقة 1434 هـ**

دڠن اين ساي مڠاصحكن بهوا ساتْ عبادة قربان دان عقيقة يڠداوروسكن اوله شريكة الأمين سارف هولديڠ سنديرين برحد دڠن كرجاسام مجليس ترتيڠكي فيمفينن اومة إسلام كمبوجا دان يايأسن فمباڠونن اومة إسلام كمبوجا باڬي تاهون 1434هـ تله دسمفرناكن مڠيكوت كتنتوان حكوم٢ شرع.

لاڤوران لڠكف تله دسدياكن اوله كتوا اوروستيا فروكريم دكمبوجا يڠبرحرمة حاج زكريا آدم يڠتله منتفكن تمفة٢ فلقسنائن باڬي ستيڤ عبادة ترسبوت.

سموڬ سكال اوروسن كيت درحماتي اوله الله سبحانه وتعالى.

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

يڠ بنر:

أوقيا حاج قمرالدين بن يوسف
مفتي كراجأن كمبوجا

# 144E, Road No. 5, Krom 1, Phum 2, Chrang Chomreh 1, Russey Keo, Phnom Penh, Cambodia.
H/P : (855) 11 827 486, Tel: (855) 23 690 9781, E-mail: mufticam@yahoo.com

Surat Pengesahan Perlaksaaan Wakaf Perigi1434H

ព្រះរាជាណាចក្រកម្ពុជា
KINGDOM OF CAMBODIA
ជាតិ សាសនា ព្រះមហាក្សត្រ
NATION RELIGION KING

គណៈដឹកនាំជាន់ខ្ពស់ នៃសាសនាឥស្លាមកម្ពុជា
المجلس الأعلى لشؤون الإسلام في كمبوديا
HIGHEST COUNCIL FOR ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS CAMBODIA

លេខៈ ..............................ចគជឥក

16 ذى الحجة 1434 هـ

كفدا:
فارا فسرت واقف فريكي دكمبوجا.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**فڠاصحن فلقسنائن واقف فريكي**

ساي دڠن اين مڠاصحكن بهوا فريكي واقف باكي سجيل PM001 سهڠݢ PM1124 تله دسمفرناكن دسلوروه كمبوجا سهڠݢ تاريخ 10 ذى الحجة 1434هـ.

باكي فريكي واقف PM1125 سهڠݢ سجيل فريكي PM1496 إنشا الله اكن دسمفرناكن سبلوم 10 محرم 1435هـ

سجيل فڠاصحن فلقسنائن باكي ستيف فريكي واقف اكن دهنتر كفد ستيف فسرت.

سموݢا الله تعالى مرحمتي سكل اوسهاكيت دان منريما وقف يڠد نيتكن اوله ستيف فسرت.

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

يڠ بنر:

أوقيا حاج قمرالدين بن يوسف
مفتي كراجأن كمبوجا

# 144E, Road No. 5, Krom 1, Phum 2, Chrang Chomreh 1, Russey Keo, Phnom Penh, Cambodia.
H/P : (855) 11 827 486, Tel: (855) 23 690 9781, E-mail: mufticam@yahoo.com